



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( 45 )

### 5) PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (GRED N19) TETAP/KONTRAK

1. (a) Jawatan : Pembantu Setiausaha Pejabat (Gred N19)  
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

2. Jadual Gaji : RM 1,352.00 – RM 4,003.00

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **TETAP/KONTRAK**

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian pegawai Kumpulan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **28 Ogos 2024 (Rabu)** hingga **10 September 2024 (Selasa)**.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 September 2024 (Rabu)**.

## **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

1. Tidak lengkap;
2. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
3. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

## **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.